



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 94/2025

KENYATAAN MEDIA

KBS PERKUKUH KAWAL SELIA DAN PERLINDUNGAN ATLET KANAK-KANAK DALAM SUKAN TEMPUR *FULL-CONTACT* BERISIKO TINGGI SEPERTI TINJU, MUAY THAI, KICKBOXING DAN MIXED MARTIAL ARTS (MMA)

7 NOVEMBER 2025

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) komited memperkukuh tadbir urus dan aspek keselamatan dalam penganjuran beberapa sukan tempur *full contact* di Malaysia, khususnya bagi acara sukan bukan berprestasi tinggi seperti tinju, muay thai, *kickboxing* dan *mixed martial arts* (MMA). KBS turut mengambil maklum isu berkaitan trend peningkatan penganjuran pertandingan sukan tempur *full contact* yang membabitkan pempengaruh dan selebriti.

Walaupun acara ini menerima sambutan daripada penonton dan berkemampuan menjana impak ekonomi yang positif, KBS tidak akan berkompromi dengan keselamatan, integriti, atau perlindungan atlet dan kanak-kanak. KBS ingin mengingatkan semua pihak yang terlibat bahawa sukan tempur adalah salah satu kategori sukan yang dikawal selia di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576], dan tidak wajar dianggap sebagai aksi hiburan semata-mata.

Pada 6 November 2025, saya telah mengadakan perbincangan bersama Presiden Persatuan Muaythai Malaysia bagi meneliti langkah penambahbaikan kawal selia terhadap acara sukan tempur yang semakin mendapat perhatian masyarakat. Antara isu utama yang dikenal pasti termasuk ketiadaan dokumen kontrak yang sah antara atlet dan penganjur, *matchmaking* padanan regu yang tidak seimbang, amalan tidak sihat seperti penurunan berat badan melampau, serta pelanggaran kepada undang-undang dan Prosedur Operasi Standard (SOP). Isu-isu ini mencerminkan keperluan mendesak untuk memperkukuh mekanisme kawal selia dan memperkenalkan garis panduan bagi menjamin integriti, keselamatan dan profesionalisme dalam sukan tempur tempatan.

Sehubungan dengan itu, selaras dengan kuasa yang diperuntukkan kepada saya sebagai Menteri Belia dan Sukan di bawah Akta 576 setelah mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan, saya ingin menyatakan perkara-perkara berikut:

1. Larangan Penyertaan Atlet Kanak-Kanak Bawah 15 Tahun

Semua penganjur acara sukan tempur atau “fight events” dilarang melibatkan atlet bawah umur 15 tahun dalam acara *full-contact* tanpa pelindung keselamatan dan hendaklah mengikut peraturan badan pengelola kebangsaan masing-masing. Penyertaan atlet bawah 15 tahun bagi sukan tempur MMA, muay thai, kickboxing dan tinju hanya dibenarkan dalam kejohanan rasmi anjuran Persatuan Sukan Kebangsaan atau Persatuan Sukan Negeri yang berdaftar di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576].

2. Penggubalan Garis Panduan Khusus Bagi Sukan Tempur

Pesuruhjaya Sukan diberi tanggungjawab bagi mengkaji keseluruhan mekanisme mengawal selia acara-acara sukan seperti tinju, muay thai, *kickboxing* dan MMA, demi memastikan keselamatan dan integriti pertandingan “unarmed combat.”

3. Pengumpulan Data Merentas Disiplin Sukan Tempur

Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS) akan menyelia pengumpulan data berkaitan kejohanan, jumlah atlet, kadar kecederaan dan insiden kesihatan. Statistik ini akan menjadi asas kepada pembangunan dasar serta garis panduan yang akan diperincikan kelak.

Langkah-langkah ini menunjukkan kesungguhan KBS untuk memastikan penganjuran sukan tempur di Malaysia dijalankan secara selamat, profesional dan beretika, serta melindungi kebajikan atlet terutamanya kanak-kanak.

HANNAH YEOH
MENTERI BELIA DAN SUKAN

